

"Pengetahuan dalam dua aspek ini bukan sahaja dapat memberi kelebihan kepada mereka malah akan menyakinkan pihak industri terutamanya ketika mereka menjalani latihan praktikal," katanya kepada 306 pelajar yang terpilih untuk menerima Sijil Anugerah Dekan diadakan serentak dengan Majlis Jamuan Hari Raya UUM COLGIS, petang, kelmarin.

Majlis penganugerahan dekan ini diadakan setiap semester bagi menghargai mereka yang berjaya mencapai kejayaan dalam bidang akademik.

Antara mereka yang menerima Sijil Dekan itu masing-masing terdiri daripada 72 pelajar Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa (INTAFF), 118 daripada Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan (BDM), 86 Sarjana Muda Pengurusan Awam (BPM) dan 30 orang daripada Sarjana Muda Undang-undang (LLB).

Habis.

=====

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my